

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10163
ASAS PENGURUSAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah definisi pengurusan? CLO1
T1
- A** Satu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal diri untuk mencapai matlamat organisasi.
- B** Satu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal pekerja untuk memaksimumkan untung.
- C** Satu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi.
- D** Satu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber organisasi seperti kewangan untuk memaksimumkan untung.
2. Kenal pasti antara berikut merupakan kemahiran pengurusan yang **BETUL**. CLO1
T1
- A** Kemahiran bahasa, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran strategik
- B** Kemahiran teknikal, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran strategik
- C** Kemahiran bahasa, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran konseptual
- D** Kemahiran teknikal, kemahiran kemanusiaan dan kemahiran konseptual
3. Kenal pasti antara berikut yang merupakan fungsi pengurusan. CLO1
T1
- A** Strategik
- B** Perancangan
- C** Penstrukturan
- D** Penyelesaian masalah
4. Nama tokoh yang mengasaskan Pengurusan Birokratik adalah CLO1
T1
_____.
- A** Max Weber
- B** Maxi Webey
- C** Henry Fatol
- D** Henry Fayor

5.

Pengurus ini bertanggungjawab menghubungkan pengurus atasan dan pengurus bawahan. Contoh pengurus ini adalah seperti Ketua Jabatan, Pengurus Bahagian dan Pengurus Daerah.

CLO1
T1

Berdasarkan pernyataan di atas, pilih tahap pengurusan yang berkaitan.

- A** Pengurus Atasan
 - B** Pengurus Strategik
 - C** Pengurus Bawahan
 - D** Pengurus Pertengahan
6. Pendekatan ini telah menghasilkan dua teori iaitu Pendekatan Sistem dan Pendekatan Kontingensi. Pilih antara berikut pendekatan yang berkaitan. CLO1
T1
- A** Pendekatan Kuantitatif
 - B** Pendekatan Pengurusan Klasik
 - C** Pendekatan Pengurusan Gelagat
 - D** Pendekatan Pengurusan Kontemporari
7. Kenal pasti takrif yang **BETUL** bagi perancangan. CLO1
T2
- A** Proses untuk menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh pekerja bagi sesebuah organisasi.
 - B** Proses untuk menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh organisasi dan tindakan yang sesuai untuk diambil.
 - C** Proses untuk menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh organisasi dan semua pihak yang berkaitan dengannya.
 - D** Proses untuk menentukan sumber yang perlu digunakan dan tindakan yang sesuai untuk diambil oleh pekerja dan pengurus.

8. Terdapat lima langkah dalam proses perancangan. Kenal pasti langkah CLO1
pertama yang terlibat dalam proses perancangan. T2

- A Menetapkan matlamat
- B Membangunkan set tindakan
- C Mentakrifkan keadaan semasa
- D Mengenalpasti bantuan dan rintangan

9.

Ia menjadi dasar kepada rancangan tindakan. Pengurus perlu memantau persekitaran luaran dan dalaman organisasi berdasarkan maklumat yang diperoleh.

CLO1
T2

Berdasarkan pernyataan di atas, pilih langkah yang terlibat dalam proses perancangan.

- A Menilai semula matlamat
 - B Membangunkan set tindakan
 - C Mentakrifkan keadaan semasa
 - D Mengenalpasti bantuan dan rintangan
10. Tukar susunan berikut mengikut langkah-langkah dalam proses perancangan CLO1
yang paling tepat. T2

- I. Menetapkan matlamat
- II. Menilai semula matlamat
- III. Membangunkan set tindakan
- IV. Mentakrifkan keadaan semasa
- V. Mengenalpasti bantuan dan rintangan

- A IV, I, II, III, V
- B IV, I, II, V, III
- C I, IV, V, III, II
- D I, IV, III, V, II

11. Pilih antara berikut takrif pengorganisasian yang **BETUL**. CLO1
T3
- A Proses menyusun dan mengagihkan sumber manusia
 - B Proses menyusun dan mengagihkan sumber organisasi
 - C Proses menyusun dan mempengaruhi pekerja organisasi
 - D Proses menyusun dan mempengaruhi semua pihak berkaitan organisasi
12. Kenal pasti antara berikut **BUKAN** kepentingan pengorganisasian. CLO1
T3
- A Dapat mengurangkan konflik tugas antara pekerja
 - B Pengagihan sumber dapat dilakukan dengan minimum
 - C Aktiviti kerja dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan
 - D Membantu merancang guna tenaga dengan lebih cekap dan berkesan
13. Kenal pasti antara berikut merupakan pendekatan dalam Teori Gelagat. CLO1
T4
- A Teori Pengharapan Hersey & Blanchard dan Teori Laluan Motivasi
 - B Teori Pengharapan Hersey & Blanchard dan Teori Laluan Matlamat
 - C Teori Pembelajaran Kepimpinan Michigan dan Teori Grid Pengurusan Blake & Mouton
 - D Teori Pembelajaran Kepimpinan Michigan dan Teori Grid Pengurusan Blake & Manhattan
14. Pilih antara berikut yang merupakan dua gaya kepimpinan dalam Teori CLO1
Pembelajaran Kepimpinan Michigan. T4
- A Berorientasikan pengurusan dan pekerja
 - B Berorientasikan manusia dan perniagaan
 - C Berorientasikan pekerja dan pengeluaran
 - D Berorientasikan sumber organisasi dan persekitaran

15. Pilih antara berikut yang merupakan Teori Kontingensi.

CLO1

T4

- A Teori Laluan Matlamat dan Teori Kepimpinan Situasi Hersey & Blanchard
- B Teori Laluan Kepimpinan dan Teori Kepimpinan Situasi Hersey & Blanchard
- C Teori Kepimpinan Michigan dan Teori Kepimpinan Situasi Hersey & Blanchard
- D Teori Laluan Matlamat Kepimpinan dan Teori Kepimpinan Grid Pengurusan Blake & Mouton

16.

Teori ini mempercayai bahawa tindakan pemimpin sebagai suatu tindakan yang boleh memotivasikan pekerja dan terdapat empat gaya kepimpinan iaitu Kepimpinan Berorientasikan Arah, Sokongan, Penyertaan dan Pencapaian.

CLO1

T4

Penyataan di atas merujuk kepada _____

- A Teori Laluan Matlamat
- B Teori Kepimpinan Michigan
- C Teori Grid Pengurusan Blake & Mouton
- D Teori Kepimpinan Situasi Hersey & Blanchard

17. Kenal pasti takrif kawalan pengurusan yang **BETUL**.

CLO1

T5

- A. Proses memantau prestasi dan pengambilan tindakan
- B. Proses mengukur prestasi dan pemantauan persekitaran
- C. Proses memantau prestasi dan pemantauan persekitaran
- D. Proses mengukur prestasi dan membandingkan prestasi piawaian

18.

Pengurus perlu tahu penyelewengan yang berlaku dalam organisasi dan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan penyelewengan tidak berulang agar dapat mencapai matlamat organisasi.

CLO1T5

Pilih proses kawalan yang berkaitan bagi pernyataan di atas.

- A. Menetapkan piawaian
- B. Mengukur prestasi sebenar
- C. Membandingkan prestasi sebenar dengan piawaian
- D. Membuat tindakan pembetulan dan penambahbaikan

19. Apakah definisi pengurusan strategik?

CLO1T6

- A Set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka hayat organisasi.
- B Set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka pendek organisasi.
- C Set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka panjang organisasi.
- D Set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka sederhana organisasi.

20. Pilih antara berikut **BUKAN** kepentingan pengurusan strategik.CLO1T6

- A Meningkatkan prestasi organisasi
- B Dapat mengenal pasti perubahan persekitaran
- C Dapat mempengaruhi pekerja dan pelanggan organisasi
- D Kunci kepada proses pembuatan keputusan pengurusan

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Nyatakan **TIGA (3)** fungsi pengurusan. CLO1
[3 markah] T1
- b) Senaraikan **TIGA (3)** peranan yang dikemukakan oleh Mintzberg. CLO1
[3 markah] T1
- c) Huraikan **TIGA (3)** kepentingan pengurusan bagi sesebuah organisasi. CLO1
[6 markah] T1
- d) (i) Bandingkan **DUA (2)** perbezaan di antara tahap pengurus atasan dan pengurus pertengahan. CLO1
[4 markah] T1
- (ii) Terangkan **DUA (2)** ciri Pengurusan Pentadbiran yang dipelopori oleh Henry Fayol. CLO1
[4 markah] T1

Soalan 2

- a) Terangkan mengenai **DUA (2)** jenis perancangan dalam organisasi. CLO1
[4 markah] T2
- b) Perincikan **TIGA (3)** tujuan perancangan. CLO1
[6 markah] T2
- c) Huraikan **TIGA (3)** langkah dalam pengorganisasian. CLO1
[6 markah] T3
- d) Senaraikan **EMPAT (4)** langkah dalam proses pengurusan strategik. CLO1
[4 markah] T6

Soalan 3

- a) Teori Kepimpinan Situasi Hersey & Blanchard mengilhamkan model gaya CLO1 kepimpinan mengikut situasi orang bawahan dengan membahagikannya kepada T4 empat dimensi iaitu gaya kepimpinan memberitahu, menjual, penyertaan dan penyerahan tugas.


Huraikan **DUA (2)** daripada empat gaya kepimpinan tersebut.

[4 markah]

- b)

CLO1

T4



Rajah 1: Teori Grid Pengurusan Blake & Mouton

Berdasarkan Rajah 1 di atas, ia menunjukkan Teori Grid Pengurusan Blake & Mouton yang mempunyai lima matrik gaya kepimpinan. Terangkan **TIGA (3)** gaya kepimpinan tersebut.

[6 markah]

- c) Nyatakan **EMPAT (4)** kepentingan kawalan dalam sesebuah organisasi. CLO1
[4 markah] T5
- d) Jelaskan **TIGA (3)** prinsip kawalan yang berkesan dalam organisasi. CLO1
[6 markah] T5

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab